

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2003/2004

September/Okttober 2003

VLT 118 – Teater Asia

Masa : 3 jam

Arahan:

1. Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi enam [6] soalan dan dua [2] muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Jawab empat [4] soalan sahaja.
3. Setiap soalan bernilai 100 markah.

1. Teater Boneka merupakan antara teater tradisional yang tertua di Asia. Bincangkan Nang Talung di Thailand ATAU Wayang Purwa di Indonesia dari sudut struktur persembahan dan bentuk-bentuk patung.
[100 markah]

2. Lambang konvensi simbolik yang digunakan di dalam Opera Cina, Kabuki, Noh dan Khatakali menjadi sebahagian komponen utama di dalam struktur persembahan teater-teater tersebut. Huraikan unsur-unsur simbol yang terdapat pada pakaian dan 'rias muka' di dalam SALAH SATU daripada teater-teater tersebut.
[100 markah]

3. Improvisasi merupakan salah satu elemen yang penting di dalam teater Makyung, Wayang Kulit dan Bangsawan. Namun perlakuan improvisasi tersebut mempunyai kerangkanya yang tersendiri. Pilih SALAH SATU jenis-jenis teater tersebut dan huraikan kerangka-kerangka yang terdapat di dalam perlakuan improvisasi tersebut.
[100 markah]

4. Huraikan dua [2] daripada lima [5] jenis teater-teater berikut:
 - a] Zarzuela
 - b] Makyung Riau
 - c] Wayang Wong
 - d] Bunraku
 - e] Calonarang
[100 markah]

5. Bincangkan 'Konsep Dasar Estatika' yang terdapat di dalam SALAH SATU jenis Kraton yang terdapat di Indonesia.
[100 markah]

5. Huraikan cirri-ciri tertentu yang menyeragamkan keseluruhan jenis-jenis teater tradisional di Asia Tenggara.
[100 markah]